

19 March 2024

Toshiba Asia Pacific Pte. Ltd.

Notis Mengenai Liputan Media

Kenyataan Respons terhadap Pernyataan Palsu oleh Media Terkini berkenaan Laporan Muflis Toshiba di Malaysia.

Terdapat khabar angin yang menyatakan bahawa Toshiba bakal muflis telah tersebar di beberapa platform media di Malaysia. Dakwaan ini adalah tidak berasas dan palsu yang tidak memiliki sebarang bukti.

Perubahan terkini dalam struktur pemilikan Toshiba dan pengambilalihannya oleh konsortium yang diketuai oleh Japan Industrial Partners (JIP), mencerminkan keputusan strategik yang akan meningkatkan daya saing dan kelestarian kami dalam pasaran global yang dinamik hari ini.

Toshiba kekal teguh dalam komitmennya terhadap ketelusan dan amalan perniagaan yang beretika. Kami dengan tegas mematuhi standard tertinggi tadbir urus korporat dan memastikan akauntabiliti dan integriti pada setiap peringkat operasi.

Walaupun pemegang saham Syarikat telah berubah, produk dan perkhidmatan yang kami sediakan serta hubungan sedia ada dengan pelanggan kami tidak akan berubah. Kami berhasrat untuk mencapai matlamat kami ke arah karbon berkecuali dan ekonomi sirkular dengan meningkatkan keuntungan yang lebih tinggi.

Untuk pertanyaan atau penjelasan lebih lanjut sila hubungi tapl-cc@ml.toshiba.co.jp